

# Bakun: TNB mungkin diberi kepentingan lebih besar

BH - 5 MAY 2001

Oleh Zulkofli Jamaludin dan Badrila Jamlus

TENAGA Nasional Bhd (TNB), mungkin diberi kepentingan yang lebih besar bagi projek Empangan Hidro Elektrik Bakun di Sarawak yang kini dikurangkan saiznya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bercakap pada sidang media selepas melawat ibu pejabat TNB di Bangsar, Kuala Lumpur, semalam, Perdana Menteri bagaimanapun tidak mengulas mengenai jumlah kepentingan yang mungkin ditawarkan itu.

Beliau berkata, Bakun mempunyai masa depan

yang cerah sekarang kerana dengan berlakunya masalah tenaga di Amerika Syarikat, banyak syarikat aluminium relau lebur yang akan ditutup dan berpindah.

"Kita mungkin boleh menarik beberapa daripada mereka," katanya sambil menyatakan harapan bahawa TNB mungkin menjadi syarikat Malaysia pertama mencapai keuntungan RM3 bilion setahun.

Syarikat itu dijangka mencapai keuntungan RM3 bilion memandangkan permintaan elektrik yang meningkat dan

Sebelum kerajaan mengambil alih projek empangan Bakun daripada BHC, TNB mempunyai sejumlah 6.67 peratus kepentingan ekuiti di dalamnya

keupayaan beroperasi dengan lebih cekap.

Sebelum kerajaan mengambil alih projek empangan Bakun daripada Bakun Hydro Electric Corporation Bhd (BHC), TNB mempunyai sejumlah 6.67 peratus kepentingan ekuiti di dalamnya.

Sementara itu, Pengerusi TNB, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, berkata sehingga ini kerajaan hanya me-

ngesahkan mempertimbangkan tawaran TNB untuk memiliki pegangan kecil dalam projek Bakun.

Bagaimanapun, katanya, TNB bersedia menawarkan kepakarannya dalam pengurusan projek, perkhidmatan kejuruteraan, pembangunan dan pengurusan talian kuasa tinggi Trans-Borneo.

"TNB membuat tawaran itu sejak projek Bakun dimu-

lakan awal 1997 dan pengesahan kerajaan untuk mempertimbangkan tawaran itu dimaklumkan Perdana Menteri dalam lawatan kerjanya hari ini," katanya.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas mengenai jumlah ekuiti yang diminta oleh TNB daripada kerajaan tetapi sumber industri menganggarkan ia kecil iaitu antara lima hingga 10 peratus.

"Sebagai sebuah syarikat utiliti negara, adalah menjadi tanggungjawab TNB menawarkan kepakaran dan pengalaman dalam mengendalikan stesen seumpama itu," katanya dalam satu tak-

limat media selepas lawatan Dr Mahathir itu.

Jamaludin berkata, keputusan kerajaan untuk membangunkan semula projek itu akan membolehkan TNB menggunakan kuasa yang dijana untuk keperluan anak syarikat milik penuhnya, Sabah Electricity Sdn Bhd.

Ketika lawatannya, Perdana Menteri turut ditanya mengenai cadangan kenaikan tarif elektrik tetapi beliau berkata, ia terikat kepada harga gas yang tidak naik sehingga akhir tahun ini.

"Oleh itu, tiada sebab kos elektrik akan dinaikkan," kata Dr Mahathir.